[FOTO SHIRAZ ALI/ BH]



***Pembabitan dalam bidang tarian*** *membantu meningkatkan keyakinan diri Effarina (berdiri, tengah).*

# Tarian latih kawal perasaan gementar

**profil**

**Effarina Jomen**

**Umur:** 20 tahun
**Tarikh lahir:** 16 Februari 1996
**Tempat lahir:** Kuching, Sarawak
**Kedudukan dalam keluarga:** Anak ketiga daripada lima adik-beradik
**Pengajian:** Ijazah Sarjana Muda Kewangan Antarabangsa (Ekonomi Kewangan Antarabangsa) Dengan Kepujian, UMSKAL
**Cita-cita:** Akauntan



**Oleh Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

**Labuan**

Seni tari menjadi pilihan Effarina Jomen sebagai bidang yang giat diceburi sejak memasuki Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Ogos

dan 'flash mob' sempena Festival Tamu Gadang UMSKAL, baru-baru ini.

**Tarian tradisional**

"Pembabitan berkenaan melatih saya untuk lebih berkeyakinan apabila muncul di hadapan khalayak ramai," katanya ketika ditemui di sini.

Anak ketiga daripada lima adik-beradik itu menga-

**Kekangan masa**

"Saya seorang yang mudah mesra walaupun baru berkenalan. Saya menggunakan kelebihan dimiliki itu untuk membawa aduan pelajar kepada pihak pengurusan supaya dapat diselesaikan demi kebajikan rakan seperjuangan di kampus," katanya.

Memikul pelbagai

[FOTO SHIRAZ ALI/ BH]



***Pembabitan dalam bidang tarian** membantu meningkatkan keyakinan diri Effarina (berdiri, tengah).*

# Tarian latih kawal perasaan gementar

**profil**

**Effarina Jomen**

**Umur:** 20 tahun
**Tarikh lahir:** 16 Februari 1996
**Tempat lahir:** Kuching, Sarawak
**Kedudukan dalam keluarga:** Anak ketiga daripada lima adik-beradik
**Pengajian:** Ijazah Sarjana Muda Kewangan Antarabangsa (Ekonomi Kewangan Antarabangsa) Dengan Kepujian, UMSKAL
**Cita-cita:** Akauntan



**Oleh Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

**Labuan**

Seni tari menjadi pilihan Effarina Jomen sebagai bidang yang giat diceburi sejak memasuki Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Ogos lalu, bagi meningkatkan keyakinan diri berhadapan khalayak ramai.

Pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan Antarabangsa (Ekonomi Kewangan Antarabangsa) Dengan Kepujian itu menyertai aktiviti tarian menerusi Kelab Taming Mas UMSKAL.

Melalui persembahan tarian secara berkumpulan, katanya, beliau dapat berlatih mengawal perasaan gementar kerana tumpuan bukan hanya terarah kepada dirinya semata-mata.

"Penampilan rasmi pertama saya ialah pada persembahan pembukaan Festival Tari dan Muzik Rakyat Antarabangsa dan 'flash mob' sempena Festival Tamu Gadang UMSKAL, baru-baru ini.

**Tarian tradisional**

"Pembabitan berkenaan melatih saya untuk lebih berkeyakinan apabila muncul di hadapan khalayak ramai," katanya ketika ditemui di sini.

Anak ketiga daripada lima adik-beradik itu mengaku lebih cenderung berkecimpung dalam cabang tarian tradisional kerana tertarik kepada keunikan kostum persembahan.

Selain aktif dalam bidang tarian, jadual Effarina turut padat dengan peranan sebagai EXCO Kebajikan dan Khidmat Mahasiswa, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2016/2017 UMSKAL.

Beliau mengambil keputusan bertanding pada pemilihan kampus yang lalu ekoran berasa terpanggil untuk membantu selepas kerap mendengar luahan pelajar lain mengenai isu atau masalah dihadapi sewaktu mengikuti pengajian.

**Kekangan masa**

"Saya seorang yang mudah mesra walaupun baru berkenalan. Saya menggunakan kelebihan dimiliki itu untuk membawa aduan pelajar kepada pihak pengurusan supaya dapat diselesaikan demi kebajikan rakan seperjuangan di kampus," katanya.

Memikul pelbagai tanggungjawab di kampus menuntut anak kelahiran Kuching, Sarawak itu bijak menangani kekangan masa menghadiri kuliah, latihan tarian dan mesyuarat atau perjumpaan berkaitan tugasan MPP.

"Jika tidak dapat menghadiri kelas tarian, saya terpaksa membuat latihan mempelajari gerak tari yang tertinggal, begitu juga dengan sesi kuliah.

"Sekiranya ada pelajaran yang tidak difahami, saya akan segera merujuk dengan rakan atau pensyarah. Saya amat bertuah kerana orang di sekeliling banyak membantu," katanya.